

Malaysia terbaik

B.H 16 APR 1992

Oleh Azhar Abu Samah

MELAKA, Rabu — Malaysia mengalami pertumbuhan ekonomi paling pesat dan tertinggi sekali di dunia, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, mengikut laporan Bank Dunia, negara Asean mengalami pertumbuhan paling pesat di dunia. Oleh kerana Malaysia dalam Asean dan menduduki tempat pertama, sewajarnya ia mendapat penghargaan sebagai sebuah negara yang paling pesat membangun.

“Kalau dahulu kita berasa amat rendah diri kerana negara kita ini kecil, miskin dan mundur, kini Alhamdulillah kita sudah mencapai banyak kejayaan hingga sekali lagi Bank Dunia menunjukkan Malaysia sebagai negara contoh di kalangan negara membangun.

“Sebab itu pada hari ini ramai pelawat asing datang ke Malaysia untuk melihat pembangunan di sini dan bagaimana ia boleh mencapai tahap yang begitu pesat,” katanya ketika merasmikan Bangunan Graha Makmur, di Air Keroh, di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata pada masa ini ramai pelawat yang datang ke negara ini mendapat jawapan bagaimana Malaysia mampu mengalami pertumbuhan ekonomi pesat.

Bagaimanapun, katanya rakyat Malaysia sendiri tidak menyehari pertumbuhan ekonomi yang tinggi dialami oleh negara ini dan menganggapnya perkara biasa.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, dalam ertikata sebenar, Ma-

laysia tidak seharusnya membangun dengan cepat kerana negara ini menghadapi pelbagai masalah dan keadaan tidak stabil, terutama rakyatnya yang berbilang kaum, berlainan bangsa dan agama serta mempunyai bahasa yang berbeza.

Beliau berkata, jika diperhatikan kebanyakan negara yang mempunyai penduduk yang berbilang kaum, sering mengalami rusuhan kaum dan kecacauan sebagaimana yang dihadapi oleh Yugoslavia yang kini berpecah kerana perbezaan kaum.

“Mereka mengamalkan demokrasi dan memberi kebebasan penduduknya bersuara hingga menyebabkan mereka meminta supaya negara itu dipecah-pecahkan menjadi negara kecil untuk diduduki oleh sesebuah kaum. Dan, kini mereka bertelagah sesama sendiri,” katanya.

Dr Mahathir berkata, hanya Malaysia yang berbilang kaum dapat hidup aman damai dan tidak ada rusuhan walaupun masing-masing datang daripada keturunan, agama dan cara hidup yang terlalu berbeza.

Katanya, kalau dahulu Malaysia dikedam hebat kerana kononnya dasar yang diamalkan membezakan kaum tetapi kini ramai yang bertanya bagaimana Malaysia boleh menyelesaikan masalah perbezaan kaum itu.

“Malah, hari ini ramai yang mengiktiraf dan mengakui sistem yang diamalkan di Malaysia jauh lebih baik daripada apa yang dilakukan sesetengah negara lain,” katanya.